

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Hospital di KL, Selangor bakal berdepan kekurangan doktor kerana perpindahan akhir bulan ini

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hospital Kuala Lumpur (HKL) dijangka mengalami kekurangan pegawai perubatan apabila kira-kira 300 orang tenaga kerjanya, dijangka dipindahkan keluar daripada Lembah Klang.

Pemindahan itu dijangka bermula hujung bulan ini, memabitkan 1,000 pegawai perubatan yang bertugas di hospital sekitar

Kuala Lumpur dan Selangor.

Portal berita kesihatan, Code-Blue, melaporkan pemindahan untuk penempatan tetap itu memabitkan 4,200 pegawai perubatan itu, akan menjejaskan HKL kerana ia dijangka kehilangan 300 pegawai perubatan, yang majoritinya dipindahkan ke Sabah dan Sarawak.

Portal itu memetik sumber HKL sebagai berkata, hospital yang memiliki 53 jabatan dan unit itu, dijangka menerima 100

penempatan pegawai perubatan melalui sistem eHousemen.

Seorang doktor yang hanya dikenali sebagai Dr Daniel, berpendapat petunjuk utama yang perlu dipertimbangkan ialah nisbah doktor kepada pesakit.

"Saya rasa kita perlu melihat nisbah doktor kepada pesakit. Kita bukan sahaja bercakap hal berkhidmat kepada penduduk tempatan, tetapi juga orang asing.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Hospital Selayang dijangka hilang 120 pegawai perubatan

Dari Muka 1

"Di jabatan kecemasan HKL saja, kami mempunyai kira-kira 100 pegawai perubatan dan mungkin ada yang berhujah bahawa ia sudah jumlah yang besar. Secara keseluruhannya, HKL mempunyai sembilan hingga 10 zon kecemasan yang memerlukan perhatian.

"Jika bilangan pegawai perubatan yang kita ada sekarang adalah 'besar', kita tidak akan melakukan dua atau tiga syif," katanya.

Sementara itu di Selangor, berdasarkan maklumat awal Kementerian Kesihatan (KKM), Hospital Selayang dijangka kehilangan paling ramai doktor kontrak dengan 120 pegawai perubatan untuk penempatan tetap.

Ini diikuti Hospital Serdang (107), Hospital Sungai Buloh (104), Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di Klang (93), dan Hospital Ampang (55).

Walaupun dilaporkan bakal kehilangan 120 pegawai perubatan, Hospital Selayang tidak dimasukkan sebagai senarai pilihan dalam sistem eHousemen

bagi membolehkan hospital itu menerima ketibaan pegawai baharu.

Selain Hospital Selayang, kemudahan kesihatan lain yang terjejas termasuk Hospital Shah Alam (45 orang), Hospital Kajang (40), Hospital Banting (36), Hospital Cyberjaya (17), Hospital Tanjong Karang (11), Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ) di Sabak Bernam (tujuh), Hospital Kuala Kubu Bharu (lima) dan Hospital Orang Asli Gombak, dua.

Walaupun hospital Selayang dan Sungai Buloh dikatakan menghadapi satu aliran keluar tenaga kerja yang paling teruk, CodeBlue melaporkan, tiada pegawai ditempatkan untuk penempatan tetap di sana.

Rata-rata pegawai perubatan di HKL dan Hospital Selayang menyuarakan kebimbangan mengenai kemungkinan peningkatan beban kerja pada kakitangan sedia ada.

CodeBlue turut melaporkan selain hospital, pegawai perubatan yang berkhidmat di klinik kesihatan awam sekitar Selangor juga terbabit dalam pemin-dahan itu.



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : NASIONAL

KKM larang letak air jualan dalam akuarium

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) melarang penggunaan akuarium sebagai bekas penyimpanan air untuk jualan kerana berkeungkinan mengandungi bahan kimia dan memberi kesan kepada kesihatan pembeli.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, berkata tindakan menjual air menggunakan bekas bukan untuk tujuan makanan adalah satu kesalahan di bawah Peraturan 31, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Merujuk isu tular di media massa dan media sosial berkaitan penggunaan akuarium sebagai bekas penyimpanan air untuk tujuan jualan, beliau berkata, ia menjadi satu kesalahan kerana akuarium berfungsi sebagai bekas memelihara ikan.

"Akuarium kebiasaannya diperbuat daripada bahan kaca atau acrylic atau plastik dan berkemungkinan mengandungi bahan kimia seperti plumbum atau *phthalates* yang boleh larut dalam air seterusnya mencemarkan air, sekali gus boleh mengakibatkan kesan kepada kesihatan," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Dr Muhammad Radzi berkata, KKM menerusi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) akan sentiasa menjalankan pemantauan ke atas penjualan makanan termasuk penjualan minuman yang menggunakan bekas bukan untuk tujuan makanan.

Beliau juga mengingatkan kepada penjual dan pengguna untuk memandang serius serta memastikan makanan yang dijual selamat dan berkualiti untuk semua. "KKM komited untuk memastikan keselamatan dan kualiti makanan terjamin agar kesihatan pengguna sentiasa terpelihara," katanya.

Katanya, pengguna yang mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, boleh menghubungi mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melayari laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau facebook.BKMM www.facebook.com/bkmmhq.

Sebelum ini, tular gambar penjualan 'air balang' menggunakan akuarium sehingga mencetuskan perdebatan hangat dalam kalangan pengguna media sosial.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Ada doktor muda akui tak dapat beri komitmen jika tidak suka penempatan

'Emosi tidak senang untuk bekerja'

Oleh AZIZAH SHAFIE dan
KAMALIZA KAMARUDDIN

KUANTAN – Penempatan jauh, terpencil dan tiada pembangunan antara sebab golongan doktor muda menolak ditempatkan di daerah-daerah lain di negeri ini selain Kuantan.

Malah, anak kecil juga dijadikan alasan utama agar mereka tidak dihantar ke daerah yang jauh dari kawasan bandar.

Seorang doktor muda yang ingin dikenali sebagai Feq berkata, dia terpaksa menolak penempatan baharu memandangkan daerah itu terlalu jauh dari kawasan pembangunan.

"Saya tiada masalah untuk menjalankan tugas tetapi kalau boleh di daerah Kuantan. Penempatan baharu itu banyak lagi kekurangan bukan sahaja dari segi kemajuan daerah terbabit tetapi juga kekurangan fasiliti di klinik kesihatan.

"Banyak saya dengar para doktor atau jururawat yang mengeluh dengan kekurangan itu dan bila dipanjangkan ke pihak atasan, tiada tindakan. Jadi, tiada sebab untuk saya bertugas di sana," katanya ketika dihubungi Kosmo! baru-baru ini.



TERDAPAT doktor muda di Pahang yang enggan ditempatkan di fasiliti kesihatan awam di luar bandar. – GAMBAR HIASAN

Ujarnya, buat masa ini, dia sedang dalam proses untuk pertukaran penempatan dan pilihan utama semestinya di Kuantan.

Feq berkata, memandangkan situasi itu tidak menyenangkan emosinya, dia gagal memberikan komitmen yang baik dan berharap, pihak kementerian atau jabatan mengambil kira perkara itu.

Sementara itu, seorang lagi doktor yang dikenali sebagai Elly berkata, dia tiada masalah dengan penempatan baharu seperti yang diarahkan pihak kementerian.

Katanya, walaupun sudah

berkeluarga, dia sanggup berpindah, malah suaminya juga turut bertukar ke penempatan baharu.

"Kami menjalankan amanah yang diberikan. Mana pun penempatan yang diarahkan, kami pergi sebab saya yakin, kerja di mana-mana pun sama sahaja.

"Walaupun ditempatkan di daerah terpencil, anak-anak masih boleh bersekolah, tiada masalah pun. Yang membezakan cuma, sekolah bandar dan sekolah kampung sahaja," katanya.

Tambah Elly, golongan doktor muda tidak sepatutnya terlalu 'demand' untuk ditempatkan di Kuantan sahaja, memandangkan

kan banyak lagi daerah lain yang masih kekurangan tenaga doktor perubatan di klinik kesihatan atau hospital daerah.

Dalam pada itu, menurut satu sumber, akibat tidak sukakan penempatan di luar bandar, ada antara doktor muda bertugas sambil lewa dan rela dikenakan tindakan agar mereka dapat dipindahkan.

Katanya, keadaan ini sebenarnya harus ditangani memandangkan ia memberikan kesan kepada perkhidmatan kesihatan khususnya kepada masyarakat luar bandar.

Di **Kuala Terengganu**, Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) kerap menghadapi dilema ramai kakitangannya enggan berpindah setiap kali berlaku proses penempatan semula.

Menurutnya, banyak rayuan diterima memohon dikecualikan dalam penempatan semula kerana sudah selesai berkhidmat di fasiliti kesihatan sedia ada.

"Masalah dihadapi di Terengganu, sebaik doktor muda itu ditempatkan di mana-mana hospital dan klinik kesihatan, dia



KERATAN Kosmo! semalam.

mahu kekal sampai bila-bila.

"Sukar untuk melakukan penempatan semula walaupun melibatkan antara daerah di negeri ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Dr. Kasemani berkata, ia mungkin disebabkan mereka sudah selesai berkhidmat di fasiliti kesihatan sedia ada selain isu peribadi dan keluarga.

Beliau memberitahu, isu doktor muda enggan ditempatkan di kawasan pedalaman tidak begitu ketara di negeri itu.

"Boleh dikatakan tiada fasiliti kesihatan merangkumi hospital, klinik kesihatan dan klinik desa di Terengganu terletak terlalu jauh di pedalaman.

"Kebanyakannya juga mempunyai jaringan jalan raya yang baik," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NEGARA



TANGKAP layar gambar air balang dalam akuarium yang dimuat naik seorang pengguna di Facebook.

KKM larang jual air guna akuarium

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) melarang penggunaan bekas bukan untuk tujuan makanan seperti menggunakan akuarium sebagai medium penyimpanan air selain menyifatkan perbuatan itu sebagai satu kesalahan berdasarkan arahan Peraturan 31, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) menegaskan, perkara itu sebagai merujuk isu tular di media sosial berkaitan penggunaan akuarium sebagai bekas penyimpanan air untuk tujuan jualan baru-baru ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, akuarium berfungsi sebagai bekas memelihara ikan dan bukan bertujuan untuk penyimpanan makanan yang digunakan sebagai bekas penyimpanan air bagi tujuan jualan.

"Akuarium kebiasaannya diperbuat daripada bahan kaca, acrylic atau plastik dan berkemungkinan mengandungi bahan kimia seperti plumbum

selain *phthalates* yang boleh larut dalam air seterusnya mengakibatkan kesan kepada kesihatan.

"KKM melalui BKMM sentiasa menjalankan pemantauan atas penjualan makanan termasuk penjualan minuman menggunakan bekas bukan untuk tujuan makanan," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, KKM ingin menegaskan kepada penjual dan pengguna untuk memandangkan serius tentang keselamatan makanan serta memastikan makanan dijual adalah selamat dan berkualiti untuk semua.

"KKM menasihatkan orang ramai agar membeli makanan di premis makanan yang bersih. Kami juga sentiasa komited memastikan keselamatan dan kualiti makanan terjamin agar kesihatan pengguna sentiasa terpelihara," katanya.

Terdahulu, tular di media sosial memaparkan seorang peniaga menggunakan akuarium serta alat penyedut air bagi memastikan jualan airnya termasuk 'teh ais' kekal berbuih bagi menarik minat pelanggan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

KKM larang guna akuarium jual air

Bekas itu kebiasaan
diperbuat daripada
bahan kaca atau plastik
yang berkemungkinan
mengandungi
bahan kimia

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Penggunaan bekas bukan untuk tujuan makanan seperti akuarium adalah dilarang di bawah Peraturan 31, Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk

Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, menjadi satu kesalahan apabila akuarium yang berfungsi sebagai bekas memelihara ikan digunakan untuk penjualan air.

Katanya, akuarium kebiasaan diperbuat daripada bahan kaca atau plastik yang berkemungkinan mengandungi bahan kimia seperti plumbum atau phthalates.

"Bahan ini boleh larut dalam air seterusnya mencemarkan air tersebut, sekali gus boleh mengakibatkan kesan kepada kesihatan," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurut Dr Muhammad Radzi,



Penjualan air dalam balang akuarium yang tular di media sosial mendapat reaksi daripada pelbagai pihak.



DR MUHAMMAD RADZI

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), akan sentiasa menjalankan pemantauan ke atas penjualan makanan termasuk penjualan minuman yang menggunakan bekas bukan untuk tujuan makanan.

Sebelum ini, tular sebuah video di media sosial mengenai peniaga yang membuat kelainan dengan menggunakan akuarium sebagai bekas air yang menjual minuman kepada pelanggan.

Sinar Harian pada 20 Julai lalu melaporkan, KKM menzahirkan kebingungan terhadap tindakan se-

bilangan peniaga air balang yang menggunakan bekas berkenaan untuk menjual minuman.

Timbalan Menterinya, Lukanisman Awang Sauni berkata, pihaknya khuatir penggunaan akuarium itu mungkin mencemarkan kualiti air tersebut selain akan merujuk kepada bahagian atau unit yang bertanggungjawab di Kementerian berkenaan untuk tindakan susulan.

Sementara itu, Dr Muhammad Radzi turut menasihatkan orang ramai agar membeli makanan di premis yang bersih.

"Sekiranya mempunyai sebarang kemusykilan berhubung isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi mana-mana pejabat kesihatan daerah atau jabatan kesihatan negeri terdekat," ujar beliau.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 33
RUANGAN : DALAM NEGERI

Shuttle bas percuma HSA, HSI manfaat 31,000 pengguna

JOHOR BAHRU: Perkhidmatan bas percuma atau shuttle bas di Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini telah memanfaatkan seramai 31,000 pengguna sejak beroperasi pada Oktober tahun lalu.

Ketua Pegawai Operasi Pengangkutan Awam Johor (PAJ), Fadzil Abdul Hamid berkata, penggunaan tertinggi adalah melibatkan HSI iaitu seramai 21,000 pengguna manakala seramai 10,000 pengguna di HSA.

Menurut beliau, pihaknya komited untuk meningkatkan lagi kesedaran awam tentang perkhidmatan yang disediakan kerajaan negeri.

"Bagi perkhidmatan di HSI, laluannya adalah melibatkan tempat letak kenderaan di pasar raya Lotus Tebrau, yang mana berjarak kira-kira 3 kilometer daripada hospital berkenaan.

"Sementara itu, bagi perkhidmatan di HSA pula, tempat letak kenderaan adalah di Larkin Sentral yang berjarak kira-kira 10 kilometer dengan

hospital berkenaan. Kedua-dua perkhidmatan bas itu melibatkan masa menunggu antara 15 minit hingga 30 minit," katanya ketika ditemui selepas Majlis penyerahan dua mesin dialisis kepada Pusat Dialisis Klinik Wakaf An Nur Pasir Gudang, di sini semalam.

Fadzil berkata, pihaknya sedang bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk meneliti lokasi tempat letak kenderaan yang lebih bersesuaian bagi meningkatkan lagi penggunaan shuttle bas.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION / NEWS

HARMFUL CHEMICALS

'Aquariums unsuitable to store food, drinks for sale'

KUALA LUMPUR: The use of aquariums as containers for selling food and drinks is prohibited under the Food Regulations 1985, said Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

He said aquariums were made for rearing fish, so they were not suitable for keeping food and drinks.

"Aquariums are normally made

of glass, acrylic or plastic and may contain chemicals like lead or phthalates.

"These chemicals can dissolve in and contaminate the water and are harmful to health," he said when commenting on viral reports on the issue.

Dr Radzi said the Health Ministry, through its Food Safety and Quality Division, would continue to monitor the sale of food and

drinks to ensure that traders would abide by food safety regulations.

He said consumers who had enquiries on food safety could contact the nearest district health office or state health department, or browse the ministry's website at <http://moh.spab.gov.my> or BKKM Facebook at www.facebook.com/bkkmhq. **Berna-**

ma



*Datuk Dr Muhammad Radzi
Abu Hassan*

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

'It is illegal to sell drinks in aquariums'

KUALA LUMPUR: The use of aquariums as containers for selling food and drinks is prohibited under the Food Regulations 1985 provision, said Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

He said aquariums are made specifically for rearing fish and are not suitable for keeping food and drinks.

"Aquariums are normally made of glass, acrylic or plastic material and may contain chemicals like lead or phthalates, which can dissolve in and contaminate the water and be harmful to health," he said in a statement yesterday when commenting on viral reports on the issue.

Dr Muhammad Radzi, reported Bernama, said the Health Ministry through its Food Safety and Quality Division (BKQM) would continue to monitor the sale of food and drinks to ensure traders abide by food safety regulations.

He said consumers who have enquiries on food safety can either contact the nearest District Health Office and State Health Department, or visit the ministry website, www.moh.spab.gov.my, and BKQM Facebook at www.facebook.com/bkqmnhq.